

## MAHATHIR-PENJELASAN

1985

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA BELIAU BERSEDIA MENGUNDUR DIRI SEKIRANYA BELIAU TIDAK DIKEHENDAKI LAGI OLEH PARA ANGGOTA UNTUK MEMIMPIN PARTI ITU.

SEMASA MENJELASKAN KESILAPAN DALAM LAPORAN-LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MENYEBUT BELIAU KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU SEMALAM SEBAGAI BERKATA BELIAU AKAN MENGUNDUR DIRI MEMANDANGKAN UMURNYA KINI 60 TAHUN, BELIAU BERKATA LAPORAN SEUMPAMA ITU SEOLAH-OLAH SATU PELAWAN UNTUK MENGUNDUR DIRI SEKARANG.

+SAYA HANYA MENYEBUT BAHAWA SAYA BERSEDIA MENGUNDURKAN DIRI DARIPADA MEMIMPIN UMNO SEKIRANYA ITU YANG DIKEHENDAKI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PARTI, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN AMPANG JAYA DI SINI.

SESIAPA PUN JIKA TELAH TIDAK DIKEHENDAKI, SEHARUSNYA MENGUNDURKAN DIRI, KATANYA.

PERDANA MENTERI, DALAM PERASMIAN HARI INI MEMULAKAN UCAPANNYA DENGAN MENYATAKAN BAHAWA BELIAU KHUATIR UNTUK MEMBUAT UCAPAN DI KHALAYAK RAMAI SEKARANG INI KERANA UCAPANNYA DIHADIRI OLEH PEMBERITA-PEMBERITA YANG SERING MEMBUAT LAPORAN.--LAGI

1601MST 12 05 85

## MAHATHIR-PENJELASAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA KALAU UCAPANNYA ITU SEDERHANA DAN TIDAK BERSEMANGAT, KALAU IA TIDAK MENARIK SEBAGAI LAPORAN DALAM AKHBAR, MEREKA AKAN MENGUBAH SEDIKIT UCAPANNYA ITU SUPAYA LEBIH MENARIK DAN DISAMBUT OLEH GELAK KETAWA OLEH PARA HADIRIN.

+JADI SAYA TERPAKSA BUAT SEDIKIT PENJELASAN AKAN APA YANG SAYA UCAPKAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN KUBANG PASU, BAHAGIAN SAYA SENDIRI, SEMALAM.

+SAYA TELAH MENYATAKAN BAHAWA SAYA TELAH BERUMUR 60 TAHUN DAN KALAU HENDAK DIBERHENTIKAN, BOLEHLAH DIBERHENTIKAN. TETAPI INI BUKAN BERMAKNA BAHAWA SAYA HENDAK MEMPELAWA DIRI HENDAK BERHENTI.+ KATA-KATA ITU DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA SEKALI LAGI OLEH PARA HADIRIN.

+APA YANG SAYA KATAKAN INI ADA KAITAN DENGAN REBUTAN-REBUTAN YANG SERING BERLAKU SEKARANG INI UNTUK MENDAPATKAN JAWATAN-JAWATAN TERTENTU DALAM UMNO. SAYA BERHARAP REBUTAN-REBUTAN ITU TIDAK JADI KETARA SANGAT.

+ADA ORANG-ORANG LAMA MEMIMPIN MEREKA SEOLAH-OLAH TIDAK MAHU LANGSUNG MENGUNDUR DIRI DAN ADA ORANG BARU MASUK DUA HARI HENDAK MENJADI PEMIMPIN TANPA MEMIKIRKAN SANGAT TENTANG APA HENDAK JADI DENGAN PARTI.--LAGI

MAHATHIR-PENJELASAN 3 KUALA LUMPUR

+DALAM KEADAAN SEUMPAMA INI, KITA HENDAKLAH PATUH KEPADA PERLEMBAGAAN DAN BERTANDING SECARA SOPAN DAN TIDAK TERLALU GHAIRAH HINGGA TIDAK MEMPERDULIKAN SAMA ADA PARTI MENJADI JAHANAM, HANCUR ATAUPUN ROSAK.

+JADI YANG SAYA TAKUTKAN SEKALI IALAH ORANG LAIN AKAN BERKATA, MUDAHLAH DIA BERCAKAP BEGITU KERANA TELAH MENDAPAT TEMPAT.

+JADI DENGAN KERANA ITU SAYA TELAH BERKATA KALAU SAYA SEKALIPUN, KALAU SUDAH ORANG TIDAK HENDAK, SAYA TERPAKSALAH BERUNDUR DAN JANGANLAH KERANA SAYA HENDAK DUDUK JUGA DI TEMPAT ITU, PARTI PECAH PUN TIDAK APA.+ -- BERNAMA

1618MST 12 05 85